



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.


**GURU (G.8)
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**GURU
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.8 (\$1,600 - \$3,260 EB KHAS \$3,345 - \$3,685 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Bahasa Arab / Pendidikan Ugama / Pengajian Islam / Perguruan Ugama / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi pemohon yang bukan mengikuti Program Pendidikan atau belum mempunyai Sijil Latihan Perguruan / Diploma Pendidikan sekiranya dilantik ke jawatan ini adalah dikehendaki untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan Sijil Pendidikan Lulusan Ijazah / Diploma Pendidikan / Sijil Latihan Perguruan dalam tempoh percubaan 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai tenaga pengajar di mana-mana persekolahan Ugama, persekolahan umum (Pendidikan Islam), Pelajaran Lanjutan dan Pendidikan Khas Ugama;



2. Bertanggungjawab untuk merancang, menyusun dan memastikan pelaksanaan kurikulum di sekolah berjalan dengan lancar;
3. Bertanggungjawab membantu Guru Besar dalam melaksanakan program pembangunan sahsiah pelajar;
4. Bertanggungjawab sebagai penghubung antara Guru Besar dan Guru-Guru Agama dalam menyampaikan informasi dan arahan;
5. Bertanggungjawab dalam menjalinkan kerjasama dengan ibubapa bagi membincangkan perkembangan pembelajaran pelajar;
6. Membantu Guru Besar dalam pengurusan sumber kewangan dan peruntukan yang disediakan untuk pengajaran dan pembelajaran;
7. Bertanggungjawab membantu Guru Besar dalam mengumpul dan menganalisa keputusan ujian dan peperiksaan pelajar;
8. Memantau kemajuan dan perkembangan pelajaran dalam bidang-bidang yang khusus seperti Al-Quran dan Amali Agama; dan
9. Menerima arahan dari semasa ke semasa yang diarahkan oleh Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar.